

# Bintai Kinden ganti transformer Menara PETRONAS

Oleh **Wartawan BH** - April 7, 2022 @ 1:16pm

[bhbiz@nstp.com.my](mailto:bhbiz@nstp.com.my)



Menara Berkembar PETRONAS

KUALA LUMPUR: Bintai Kinden Corporation Bhd memperoleh kontrak kejuruteraan mekanikal dan elektrik (M&E) daripada KLCC Urusharta Sdn Bhd (KLCCH).

Anak syarikat milik penuhnya, Kejuruteraan Bintai Kinden Sdn Bhd pada 30 Mac lalu menerima surat penganugerahan daripada KLCCH, yang melantiknya menjadi kontraktor melaksanakan penggantian transformer di Menara 2 Menara Berkembar PETRONAS.

Skop kerja merangkumi pembekalan dan penggantian transformer 33kV/11kV sedia ada, termasuk pengubahsuaian kerja-kerja sivil merangkumi bilik transformer dan pemindahan kerja M&E sepanjang laluan bagi menghantar transformer baharu bernilai RM2.615 juta.

Kontrak M&E itu dijangka dapat diselesaikan menjelang 15 April 2023.

Pengarah Eksekutif Bintai Kinden, Azri Azerai, berkata syarikat gembira dan berbesar hati memperoleh beberapa kontrak secara berterusan sejak awal Mac.

"Kontrak daripada KLCCH secara dasarnya menambah kepada keupayaan Bintai Kinden dan mengukuhkan lagi trek rekod kami dalam sektor M&E," katanya dalam satu kenyataan.

Kontrak diperoleh iu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan dan perolehan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2023, selain perolehan akan datang dan aset bersih sesaham kumpulan sepanjang tempoh kontrak.

Termasuk kontrak M&E itu, Bintai Kinden berjaya meningkatkan jumlah kontrak dalam tangan kepada kira-kira RM173.5 juta.